

# Buletin Intelektual

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Islam Malaysia

www.kuim.edu.my

KUIM.HEP. Bil 1 / 2003



## Pilihan Raya Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2002/2003

Pada 19 Disember 2002, telah berlangsung pilihan raya seluruh IPTA. 95% peratus warga kampus KUIM telah menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengundi. Masa pengundian dimulakan pada jam 9.00 hingga 4.00 petang dan sesi pengiraan undi telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13. Pilihan raya berlangsung dengan baiknya dengan penglibatan para pelajar KUIM. Calon-calon bagi Ahli jawatankuasa MPP telah diumumkan oleh Y. Bhg Rektor KUIM. Saudara Nisar Mohamad Ahmad adalah calon yang paling banyak diundi oleh mahasiswa KUIM dan secara langsung beliau telah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

sementara Saudara Ahmad Muhaimin Ahmad dilantik sebagai Naib Yang Dipertua. Calon-calon yang telah dipilih oleh majoriti telah dilantik secara rasminya oleh Rektor KUIM dalam Majlis Watikah Perlantikan yang diadakan pada 15 Januari 2003.

Dalam majlis tersebut, seramai 12 orang pelajar telah terpilih menganggotai MPP dan majlis perlantikan tersebut telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Rektor. Dalam ucapan Dasar Yang Dipertua MPP iaitu Saudara Nisar Mohamad Ahmad menegaskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah pemantapan sahsiah di kalangan pelajar yang mana tidak harus mengeneipkan tuntutan kepakaran teknologi terkini dalam memenuhi kehendak globalisasi dan modenisasi. Sahsiah dan peribadi juga harus diperkukuhkan sebagai menifestasi kepada ilmu-ilmu yang diperolehi. Konsep pengajian di KUIM yang menekankan penggunaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris merupakan aspek penguasaan yang begitu penting selepas bergelar siswazah. Dalam pada itu, cita-cita untuk mengantarabangsakan KUIM sebagai universiti yang terunggul di rantau ini akan menjadi realiti bersama sokongan-sokongan dari semua pihak. Di samping itu, YDP MPP juga menyeru kepada mahasiswa agar peka terhadap isu-isu semasa dan menjadi tanggungjawab besar MPP untuk memberi ransangan positif melalui program yang dijalankan sama ada di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Isu-isu lain turut disentuh ialah peningkatan akademik dan pembudayaan ilmu, keselamatan harta benda, penempatan pelajar dan kesihatan mahasiswa.



Bacaan ikrar oleh barisan MPP lantikan 2002/2003

# Selayang Pandang

## TIMBALAN REKTOR HEP & PEMBANGUNAN

Seperti mana yang telah dimaklumi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merupakan pusat tanggungjawab yang bertindak sebagai penganjur, pemantau dan penyelia segala aktiviti, kebijakan dan pembangunan sahsiah pelajar. HEP juga berperanan sebagai penggerak ke arah melahirkan mahasiswa yang berilmu, dinamik dan bersahsiah. Mereka bukan sahaja perlu memiliki kelebihan dari segi 'hard skill' tetapi juga perlu mempunyai kemahiran dari segi 'soft skill' yang diperolehi melalui penglibatan dalam aktiviti kemahasiswaan.



dipikul oleh HEP untuk pelanggan utamanya iaitu pelajar-pelajar.

Justeru itu, dengan terbitnya Buletin HEP, Buletin Intelektual ini, warga kampus KUIM khususnya dan masyarakat terbanyak amnya akan mendapat gambaran tentang kesungguhan KUIM sebagai sebuah Universiti baru untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti dalam apa jua bidang yang diceburi. Gembengan usaha yang mantap dalam memastikan kebijakan dan aktiviti pembangunan 'hard skill' dan 'soft skill' pelajar KUIM dari badan-badan persatuan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa

Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) dan beberapa kelab yang lain akan membantu dan memperkukuhkan lagi peranan dan tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk mewujudkan kuantiti dan kualiti mahasiswa yang memiliki ciri-ciri Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa, sebagaimana yang termaktub dalam moto KUIM itu sendiri.

**PROF. DR. MOHAMMAD HJ. ALIAS**  
Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan  
Kolej Universiti Islam Malaysia

Gabungan kedua-dua kemahiran ini akan melahirkan barisan pelajar yang berketerampilan dan disegani masyarakat. Selaras dengan itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM sentiasa menggandakan usaha mengadakan pelbagai aktiviti dan program yang membantu kepada pembangunan minda dan sahsiah pelajar. Gabungan empat unit di bawah HEP iaitu Unit Perhubungan Dan Kebudayaan, Unit Kaunseling Dan Pembangunan Sahsiah, Unit Sukan Dan Rekreasi dan Unit Pengurusan Asrama memperjelaskan lagi peranan penting yang

## Segugus Bicara

### TIMBALAN PENDAFTAR HEP



Alhamdulillah, dengan kemunculan sulung Buletin Intelektual ini, tercapailah hasrat Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia untuk menjadi pusat penyebaran maklumat aktiviti pelajar yang telah dikendalikan oleh setiap unit di bawah HEP dan juga persatuan dan kelab pelajar. HEP KUIM kini mengorak langkah ke arah mewujudkan jaringan interaksi dengan pihak yang pelbagai. Jalinan interaksi ini secara tidak langsung akan

memperkenalkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar KUIM kepada warga kampus dan masyarakat luar.

Sesungguhnya, tenaga-tenaga pentadbiran Hal Ehwal Pelajar bersedia memikul cabaran untuk menarik keluar pelajar-pelajar aliran agama dari keadaan yang sering dipersepsikan sebagai konservatif. Pembangunan personaliti yang sihat, berkeupayaan memanipulasikan sumber-sumber maklumat serta

menggariskan kecemerlangan matlamat, sentiasa menjadi asas tindakan bahagian ini.

Langkah mengajak para pelajar bersama-sama menyumbang dan bertanggungjawab terhadap pembangunan hal-ehwal kemahasiswaan merupakan pendekatan yang paling disenangi oleh kalangan pelajar sendiri.

Kepercayaan oleh pemerintah dan pemimpin tertinggi negara terhadap KUIM agar menjadi destinasi untuk melahirkan graduan Islam yang berketerampilan akan dilaksanakan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebaik mungkin.

Justeru, gembengan hasrat, cara berfikir dan orientasi nilai kalangan warga HEP yang positif amat perlu sebagai landasan utama untuk mencipta iklim institusi pengajian tinggi terbaik di abad ini.

**MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI**  
Timbalan Pendaftar HEP  
Kolej Universiti Islam Malaysia

### Sidang Redaksi Intelektual

**Penasihat Utama :**

Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Bin Haji Alias  
Timbalan Rektor HEP & Pembangunan

**Penasihat/Ketua Editor :**

Muhammad Haizuan Rozali  
Timbalan Pendaftar HEP

**Editor :**

Nurhazreen Mohd Nor  
Rozihani Mohamad

**Sidang Pengarang :**

Haji Mazlan Nawang  
Masni Md Hasim  
Azlin Mahmud

Nur Ekmal Buhary  
Sulaiman Hassan  
Azleen Abd. Aziz

**Jurugambar :**

Ramzi Sulaiman  
Noraini  
Md. Zamri

**Diterbitkan oleh :**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia Tingkat 13, Menara A, Persiaran MPAJ,  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur Tel : 03-42892091/2092 Fax : 03-42892108

**Rekabentuk dan cetakan oleh :**

Blue-T Communications Sdn. Bhd. Tel: 03-4149 4119 Fax: 03-4149 1117

# UNIT PERHUBUNGAN & KEBUDAYAAN

## Pertandingan Debat Bahasa Arab Peringkat Universiti

Pertandingan Debat Bahasa Arab Peringkat Universiti merupakan program yang julung-julung kali diadakan bagi percubaan peringkat pertama. Pertandingan ini memperlihatkan KUIM sebagai perintis dalam usaha menguasai Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar kedua di samping Bahasa Inggeris. Bertempat di Menara B, tarikh 13 Januari itu telah menyaksikan beberapa peserta dari pelbagai fakulti menyertai pertandingan tersebut. Ternyata cita-cita KUIM menjadikan bahasa Arab sebagai aset dalam memelopori sesebuah bidang hampir tercapai dengan terlaksananya debat dalam bahasa Arab ini. Kursus penghakiman turut diadakan bagi memberi taklimat berkaitan pertandingan yang telah diadakan. Sebanyak 7 penyertaan yang telah diterima dan pertandingan akan diadakan pada 7hb Julai 2003 yang akan dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj. Husin Rektor KUIM.



• Para peserta debat Bahasa Arab peringkat Universiti sedang rancak berdebat

## Kursus Kemahiran Asas dan Pengurusan Organisasi (KKAO)

Pada 31 Januari hingga 2 Februari lalu, seramai 40 orang pelajar terdiri daripada ahli MPP, JAKSA II & III serta wakil Kelab telah mengikuti Kursus Kemahiran Asas dan Pengurusan Organisasi (KKAO) bertempat di Fraser Hill, Pahang. Kursus ini diadakan dengan tujuan memberi pengetahuan dan kemahiran mengendalikan organisasi yang dipimpin oleh pelajar serta menyemai semangat berpasukan. Program tersebut turut dirasmikan oleh Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan) dan dihadiri secara keseluruhannya oleh beliau. Melalui kursus ini pelajar-pelajar telah



didedahkan dengan beberapa modul gerak kerja berkumpulan, menyelenggara sistem fail dan penerangan jelas tentang penubuhan kelab, persatuan yang telah termaktub dalam AUKU. Mereka diberi pemahaman yang jelas berkaitan prosedur-prosedur menjalankan aktiviti sama ada di peringkat dalaman atau luaran. Program ini diselenggarakan oleh beberapa fasilitator yang dilantik bagi menyelia pelajar-pelajar dalam kumpulan yang dibentuk.

## Majlis Pertemuan Tan Sri LPU Bersama Pemimpin Pelajar KUIM

Pada 5 hb Februari lalu, bertempat di Hotel De Palma satu pertemuan di antara Y. Bhg. Tan Sri LPU bersama ahli MPP, JAKSA II & III serta wakil-wakil Kelab. Pada masa yang sama telah diadakan juga dialog antara pengurusan tertinggi dan pemimpin pelajar. Pertemuan tersebut telah dihadiri oleh



• Majlis pertemuan Pengerusi LPU bersama pemimpin pelajar

pegawai-pegawai kanan universiti serta sebilangan kakitangan HEP. Suasana dalam majlis tersebut lebih bermakna apabila diadakan sesi dialog pihak pengurusan KUIM bersama MPP dan wakil kelab. Saudara Basits, Nazri dan Shahrolkarnain telah tampil ke hadapan bersama hujah-hujah dan keazamannya terhadap universiti dan beberapa soalan telah diajukan berkaitan dengan perkembangan aktiviti di KUIM seperti penubuhan persatuan anak negeri dan program Bakti Siswa. Program ini merupakan antara aktiviti tahunan anjuran HEP sebaik sahaja tamat watakah perlantikan MPP.

## Seminar Pemantapan Aktiviti Kebudayaan KUIM: Langkah Pencarian Ceruk (NICHE)

Pada 19hb Mac 2003, bertempat di Dewan Kuliah 4, Tingkat 10 Menara B telah berlangsung program Seminar Pemantapan Aktiviti Kebudayaan KUIM: Langkah Pencarian Ceruk (Niche). Seminar yang dijayakan oleh beberapa karyawan terkenal seperti En.

Mahzan Manan dan Dato' Jins Shamsudin serta tokoh akademik Prof. Dr. Abdul Samat Bin Musa itu telah menepati garis panduan yang dikehendaki yang mana ianya diadakan dengan tujuan mendapatkan sumbang saran dan idea bernas berkenaan dunia seni dan budaya untuk diaplikasikan dalam program-program kebudayaan dan kesenian KUIM. Seminar tersebut juga telah mengundang beberapa soalan daripada kakitangan dan pelajar KUIM berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang sesuai sebagai universiti Islam. Ahli MAKUM iaitu Puan Maswa Mokhti daripada UIA juga dijemput bagi melihat kesesuaian KUIM dalam bidang kesenian dan kebudayaan.



## Mahrajan Kerjaya 2003

Program Mahrajan Kerjaya 2003 (Festival Kerjaya Alaf Baru) telah diadakan pada 14 hingga 16 Januari 2003 yang lalu bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah. Majlis perasmian program tersebut telah diadakan pada 14 Januari 2003 dan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Izhar Sulaiman, Pengerusi Eksekutif KFC Berhad, merangkap Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Mahrajan Kerjaya 2003 merupakan program peringkat kebangsaan yang menjurus ke arah pencarian kerjaya dan julung-julung kalinya diadakan di KUIM. Objektif program tersebut adalah untuk memberi maklumat dan informasi mengenai dunia kerjaya

dalam era sains dan teknologi serta cabaran dalam mencari pekerjaan. Pelbagai aktiviti dan pengisian telah diadakan sepanjang tiga hari program tersebut berlangsung seperti Pameran Kerjaya, Bengkel *Resume Writing*, Bengkel Imej dan Personaliti dan *Career Talk Series*. Sebanyak 16 buah organisasi/syarikat telah menyertai Pameran Kerjaya. Antaranya termasuklah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Takaful Malaysia, Takaful Nasional, KFC, Pusat Kaunseling dan Kerjaya Universiti Utara Malaysia (UUM), LCCI, Bestari Net Sdn. Bhd, Institut Profesional Baitulmal (IPB), KUIM dan PRU. Ramai pengunjung yang telah hadir ke



program tersebut. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar universiti, kolej-kolej swasta, sekolah-sekolah menengah dan masyarakat sekitar Pandan Indah.

Majlis penutup telah diadakan pada 16 Januari 2003 dan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Haji Husin, Rektor KUIM.

## Program Membina Semangat Berpasukan Pembimbing Rakan Universiti (PRU)



• Program membina semangat berpasukan pembimbing rakan universiti (PRU)

Program ini telah dianjurkan oleh Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dengan kerjasama Unit Kaunseling Dan Pembangunan-Sahsiah. Ia telah diadakan pada 1 Januari 2003 di Camar Laut LKIM, Bagan Lalang, Sepang. Seramai 45 orang

ahli-ahli PRU telah mengikuti program ini. Memandangkan PRU terlibat sebagai Urusetia Pelaksana Mahrajan Kerjaya KUIM 2003, program Membina Semangat Berpasukan ini telah diadakan bagi mengeratkan ukhuwah dan silaturahim antara sesama PRU. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membentuk kesepaduan dan kesefahaman ahli-ahli PRU dalam bekerjasama melakukan tugas-tugas berkaitan Mahrajan Kerjaya kelak. Bagi mencapai objektif tersebut, 2 orang penceramah telah diundang khas ke Camar Laut bagi menyampaikan ceramah motivasi dan mengendalikan slot pembinaan dan dinamika kumpulan (*group binding*). Mereka ialah Encik Engku Azri Engku Abdul Rahman dan Encik Ahmad Zaki Rifa'i. Apa yang

dapat dilihat, penceramah berjaya menimbulkan suasana jelek dan menaikkan semangat bersatu padu di kalangan ahli PRU terutama apabila mereka diuji melalui permainan-permainan intelektual yang amat mencabar. Secara kesimpulannya, di sebalik aktiviti tersebut, ahli-ahli PRU diharap akan dapat memahami konsep bekerja di bawah satu organisasi. Apa yang penting ialah sikap bekerjasama dan bersatu padu dalam apa jua urusan yang dilakukan terutamanya dalam menjalankan tanggungjawab sebagai urusetia di dalam program agung seperti Mahrajan Kerjaya KUIM 2003. Bak kata pepatah "Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing" dan "Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat".

## Kursus Induksi Pembimbing Rakan Universiti

Seramai 30 orang ahli Pembimbing Rakan Universiti (PRU) yang baru telah mengikuti siri latihan 1, Kursus Induksi PRU pada 25 hingga 27 Oktober 2003 di Laman Bestari Resort, Ulu Yam. Program tersebut bertujuan untuk membentuk minda ahli-ahli baru PRU tentang konsep dan pengenalan kepada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), membentuk semangat berpasukan (*team building*) di kalangan ahli PRU dan sifat kepimpinan yang tinggi dalam menghadapi apa jua cabaran dalam bersatu. Beberapa orang penceramah telah diundang khas untuk mengendalikan beberapa slot seperti *Pembinaan dan*

*Dinamika Kumpulan* yang dikendalikan oleh Encik Muhamad Khairil Fuad, *Pengenalan dan Peranan PRU* serta *Kemahiran Kepimpinan Diri dan Komunikasi Berkesan* oleh Encik Ahmad Zaki Rifa'i, *Teori dan Teknik Kaunseling* oleh Encik Abdul Jalil Hassan dan *Kaunseling Kerjaya* oleh Encik Badrul Hisham Hussein. Di samping itu, mereka juga berpeluang mempelajari teknik-teknik menghasilkan pelbagai barangan kraftangan seperti beg kertas, kad dan penanda buku daripada recycle paper yang telah dikendalikan oleh Cik Evelyn Lim dari Malaysian Nature



• Ahli-ahli PRU sedang khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh En. Abd. Jalil Hassan

Society. Sesi kembara yang diadakan pada hari terakhir program juga telah berjaya menguji aspek keberanian, sikap berdikari, *team building* dan kepimpinan ahli-ahli PRU.

## Program Ihya Ramadan

Bersempena dengan bulan Ramadhan Al-Mubarak yang mulia pihak Jawatankuasa Kebajikan Asrama Siswa/i (JAKSA) sesi 2002/2003 telah menganjurkan program Ihya Ramadhan. Program ini merupakan aktiviti tahunan asrama dan telah diisi dengan pelbagai aktiviti seperti solat terawih berjemaah, tadarus al-Quran dan majlis khatam al-Quran yang telah dijalankan pada setiap malam sepanjang bulan Ramadhan. Program tersebut telah berlangsung dari 6 November hingga 5 Disember 2002. Tempat-tempat program adalah seperti berikut :

- a) Malam Mawardah Bersama Rektor KUIM - Riviera III
- b) Solat Tarawih Berjemaah - Lobi Riviera II dan III.

- c) Tadarus Al-Quran - Surau wanita dan lelaki Riviera II dan III.
- d) Kuiz Ad-din
- e) Dokumentari Jejak Rasul
- f) Majlis Khatam Al-Quran - Lobi Riviera II.

Sambutan para pelajar terhadap program amat menggalakkan dari tahun ke tahun. Ini dapat dilihat apabila 80% pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang bulan Ramadhan yang lepas. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran untuk memilih aktiviti dan program berbentuk kerohanian sebagai pengisian masa lapang terutamanya di bulan baik, bulan Ramadhan.

## Pemilihan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) Sesi 2002/2003

Pihak Pengurusan Asrama telah menjalankan proses penyelarasan Pemilihan Lantikan Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama (JAKSA) Sesi 2002/2003. Notis pembubaran Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama Sesi 2002/2003 telah pun dikeluarkan pada 26 Disember 2002 bersama-sama borang-borang penamaan calon kepada pelajar-pelajar yang menginap di asrama. Pemilihan pada kali ini dipecahkan kepada dua JAKSA iaitu untuk JAKSA Riviera II dan III.

Penyelarasan pemilihan JAKSA telah dilaksanakan oleh pihak Pengurusan Asrama Riviera II, III dan Majlis Felo-felo Penghuni yang diketuai oleh Pengetua Asrama. Proses penyerahan dan pemrosesan borang-borang penamaan calon telah dibuat pada 2 dan 3 Januari 2003. Manakala sesi temuduga pula telah dijalankan pada 7 dan 8 Januari 2003 lalu. Panel-panel penemuduga terdiri daripada Pengetua Asrama dan Felo-felo Penghuni. Seramai 12 orang calon untuk Riviera II dan 11 orang calon untuk Riviera III telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama untuk sesi baru 2002/2003.

Majlis penyampaian watak telah dijalankan dengan jayanya pada 30 Januari 2003 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15, Menara A. Ia telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Shukur Haji Husin, Rektor KUIM. Majlis ini dianggap sebagai pengiktirafan kepada ahli JAKSA bagi sesi yang baru.

AJK Kebajikan Siswa/ Siswi Asrama (JAKSA) Sesi 2002/ 2003 sedang membaca ikrar.

## Malam Perdana Siswa 2002

Jawatankuasa Kebajikan Siswa/i Asrama sesi 2001/2002 telah mengadakan majlis Malam Perdana Siswa di Padang Sekolah Menengah Pandan Indah, Kuala Lumpur. Ia merupakan aktiviti tahunan asrama yang melibatkan seluruh warga mahasiswa KUIM.


Majlis tersebut telah dihadiri seramai 1,300 orang yang terdiri daripada pengurusan tertinggi universiti, kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, jemputan luar dan mahasiswa KUIM. Ia telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.



Pada majlis itu juga, pelbagai pengiktirafan telah dianugerahkan kepada para pelajar yang aktif dalam penglibatan terhadap aktiviti dan program di asrama. Antara anugerah yang disampaikan pada majlis tersebut adalah :

- i. Anugerah Perdana
- ii. Anugerah Khas Pengetua
- iii. Anugerah Putera/i Bistari
- iv. Anugerah Kepimpinan
- v. Anugerah Khas Majlis Felo
- vi. Anugerah Khidmat Terpuji
- vii. Anugerah Program Terbaik

Selain itu, program ini juga melatih mahasiswa cara-cara menganjurkan aktiviti yang melibatkan penyertaan yang besar dan merupakan majlis rasmi yang diadakan pada setiap tahun.



# AKTIVITI UNIT SUKAN & REKREASI

## Sukan MASUM 2002

Satu Majlis Lafaz Ikrar dan Penyerahan Bendera Kontinjen KUIM ke Sukan MASUM 2002 telah diadakan pada 17 Oktober 2002 bertempat di Dewan Kuliah 4, Tingkat 10, Menara B, KUIM. Ia telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin pada 17 Oktober 2002. Majlis ini telah disertai oleh semua pengurus pasukan, jurulatih dan atlit yang terlibat menggalas cabaran KUIM ke Sukan MASUM 2002. Sementara itu, sukan MASUM telah diadakan pada 19 hingga 30 Oktober 2002 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Sukan berbentuk karnival ini telah disertai oleh KUIM dan juga semua IPTA dan beberapa IPTS jemputan. Kontinjen KUIM telah diketuai oleh Timbalan Pendaftar HEP, Encik Muhammad Haizuan Rozali. Dalam karnival Sukan MASUM tersebut, KUIM telah mengambil bahagian di dalam 9 acara iaitu bola sepak, bola jaring, sepak takraw, bola tampar (L), bola baling (W), ping pong (L & W) dan



• Barisan kontinjen KUIM semasa majlis perasmian Sukan MASUM 2002

badminton (L & W). Kontinjen KUIM telah menunjukkan peningkatan yang baik pada tahun ini berbanding 2 tahun sebelumnya. Beberapa pasukan telah menonjolkan persembahan yang baik antaranya pasukan bola tampar lelaki yang berjaya menewaskan pasukan UPSI di peringkat awal dan juga pasukan bola sepak dan bola jaring yang turut menunjukkan peningkatan.

## Kursus Induksi Urusetia Sukan & Rekreasi

Satu Kursus Induksi Urusetia Sukan Dan Rekeasi telah diadakan pada 13 hingga 15 Mac 2003 di PDS Resort, Pasir Panjang, Port Dickson. Program ini telah diadakan bagi memupuk semangat kerjasama di kalangan ahli melalui aktiviti lasak dan menguji ketahanan fizikal dan mental peserta. Program ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Timbalan Rektor (HEP dan Pembangunan), Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias. Antara aktiviti yang telah diselitkan termasuklah program motivasi bahasa Inggeris, pembinaan rakit, berakit, rentas halangan dan keyakinan diri dalam air. Peserta-peserta juga telah berpeluang merasai pengalaman bermalam di dalam khemah. Ia antara lain adalah untuk melahirkan individu yang tabah dan cekal dalam menghadapi apa jua ranjau kehidupan.



## Ekspedisi Pendakian Gunung Datok

Urusetia Sukan Dan Rekreasi dengan kerjasama Unit Sukan Dan Rekreasi telah mengadakan Ekspedisi Pendakian Gunung Datok di Rembau, Negeri Sembilan pada 27 hingga 29 Mac yang lalu. Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang telah mengikuti Kursus Asas Pendidikan Luar & Rekreasi mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Program ini telah disertai

seramai 32 orang pelajar dan merupakan program pendidikan luar yang pertama dianjurkan oleh Sekretariat Sukan & Rekreasi bagi tahun 2003. Ekspedisi pendakian ini bakal mengibarkan bendera KUIM di puncak gunung serta melancarkan slogan "Peace, No War" sesuai dengan kehendak dunia pada masa itu yang menggesa Amerika agar membatalkan hasrat melancarkan perang ke atas Iraq.



## Malam Anugerah Sukan KUIM

Malam Anugerah Sukan KUIM telah diadakan pada 8 Mac 2003 di Ruang Legar Asrama Riviera II, jam 8.00 malam. Program ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias. Ia turut dihadiri oleh Pendaftar KUIM, Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman dan juga semua pengurus pasukan KUIM ke Sukan MASUM 2002. Program ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada mereka yang telah mencurahkan bakti dan jasa kepada pasukan KUIM sejak mula melibatkan diri dalam bidang sukan. Beberapa anugerah telah disampaikan buat julung-julung kalinya bagi memberi penghargaan kepada mereka yang telah mencurahkan bakti dan jasa kepada pasukan KUIM sejak mula



melibatkan diri dalam bidang sukan. Beberapa anugerah telah disampaikan seperti berikut:

### Pengurus Pasukan Terbaik :

Encik Zairul Hisham Ahmad Khulaimi

### Pasukan Terbaik KUIM 2002 :

Pasukan Bola Tampar ke Sukan MASUM 2002

### Kepimpinan Sukan L/W :

Saudara Marwan Tahir / Nasariah Nawawi

### Atlit Terbaik L/W :

Saudara Mohd Azlan Shahir Kinjang / Saudari Syukriah Abdullah

### Atlit Harapan L/W :

Saudara Mohd Sayuti Jaafar / Saudari Aspullizan Mohamad Noh

### Pasukan Harapan 2002:

Pasukan Silat Olahraga